

Garis Panduan Pertandingan Amalan 5S

1.0 Latar belakang

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah berusaha untuk meningkatkan amalan 5S dan urus tadbir yang baik dan cemerlang.

2.0 Objektif

Objektif pertandingan ini adalah untuk :-

1. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti pengamalan 5S dan perkhidmatan.
2. Menggalak kerjasama dan membentuk budaya saling membantu secara berterusan dalam kalangan kakitangan bagi mewujudkan dan mengekalkan suasana tempat bertugas yang bermaklumat, bersih, kemas, teratur dan mesra pelanggan.
3. Menggalakkan persaingan sihat di antara PTJ di UPM ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan kualiti dan urus tadbir 5S yang baik.

3.0 Kriteria-kriteria Pertandingan

Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:-

- a) Usaha-usaha Ke Arah 5S
- b) Ruang Tempat Kerja (Pejabat)
- c) Persekitaran Tempat Kerja

Bagi kriteria A dan B, proses pengauditan berdasarkan sampel yang dipilih. Pihak PTJ boleh menentukan sampel berikut:

- a) Satu (1) Ruang pejabat
- b) Satu (1) Bilik Mesyuarat
- c) Satu (1) Bilik Latihan/Kuliah
- d) Satu (1) Kaunter
- e) Satu (1) Stor
- f) Satu (1) Pantri
- g) Satu (1) Surau/Bilik Solat
- h) Satu (1) Tandas

4.0 Syarat-syarat Penyertaan

Penyertaan kepada PTJ yang mengamalkan 5S dan tidak pernah mendapat pensijilan Amalan 5S daripada mana-mana badan pensijilan.

5.0 Penghakiman

Pertandingan ini akan dinilai oleh Panel Auditor 5S yang dilantik. Penilaian akan dibuat mulai 1 hingga 30 September 2013. Panel Auditor akan mengadakan lawatan ke setiap PTJ pada satu tarikh yang akan diberitahu. Keputusan pertandingan adalah muktamad dan akan diumumkan semasa Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan pada 31 Oktober 2013.

6.0 Hadiah Pertandingan

Hadiah akan disediakan bagi Johan sebanyak RM 1000.00, Naib Johan sebanyak RM 750.00 dan Tempat Ketiga sebanyak RM 500.00 serta Sijil Penghargaan kepada PTJ berkenaan.

7.0 Penghantaran Borang Penyertaan

Borang Penyertaan Pertandingan Anugerah Amalan 5S hendaklah dihantar tidak lewat daripada **13 September 2013** kepada urusetia :

**Peneraju Anugerah Pertandingan Amalan 5S
Sempena Hari Kualiti dan Inovasi 2013
Bahagian Jaminan Kualiti
Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia
(u.p. : Encik Mat Razi Abdullah)**

Tel : 03-89471513 Fax : 03-8947 2098



BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN ANUGERAH AMALAN 5S

1. Maklumat Pusat Tanggungjawab

Pusat Tanggungjawab _____

Nama Pegawai Bertanggungjawab _____

Jawatan _____

No. Telefon _____

No. Faks _____

Emel _____

2. Maklumat sampel lokasi yang dipilih oleh PTJ untuk dinilai oleh panel

Sila isikan nama sampel lokasi yang dipilih oleh PTJ di ruang di bawah

Bil	Sampel Lokasi	Nama
1	Satu (1) ruang pejabat	
2	Satu (1) Bilik Mesyuarat	
3	Satu (1) Bilik Latihan/Kuliah	
4	Satu (1) Kaunter	
5	Satu (1) Stor	
6	Satu (1) Pantri	
7	Satu (1) Surau/Bilik Solat	
8	Satu (1) Tandas	

Pengesahan Ketua Pusat Tanggungjawab

Tandatangan : _____

Nama : _____

Cap : _____

Tarikh : _____

Sila hantar borang penyertaan ini kepada urusetia tidak lewat daripada

13 September 2013